

TEKS UCAPAN

**YAB MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN**

SEMPENA

**PERSIDANGAN KETIGA
(BELANJAWAN)
PENGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN YANG KE-14**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN**

PADA:

22 NOVEMBER 2019

**TEKS UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BAGI MEMBENTANGKAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk **“Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2020 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu”** dibacakan bagi kali kedua.

MUKADIMAH

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

1. Segala puji dan syukur kepada Allah, Tuhan Tuan Punya seluruh alam. Dia lah Pemilik ke atas negeri ini dan kita semua. Dia juga merupakan Majikan dan Penyedia segala sumber yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan yang paling disayangi Nabi Muhammad s.a.w.

2. Kita dapat lihat, dengar dan rasakan betapa Allah telah menghadiahkan Negeri Sembilan sebuah negeri yang indah, unik dan kaya dengan hasil mahsul. Kita semua adalah petugas yang di amanahkan-Nya untuk menjaga, membangunkan dan memajukan negeri yang kita sayangi ini.

3. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 29 bermaksud: *“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi”*. Tugas kita ialah bersyukur dan menghargai kurniaan-Nya. Kita perlu ingat akan janji dan ingatan Allah dalam surah Ibrahim ayat 7 bermaksud *“Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih”*.

4. Dalam masa yang sama kita sentiasa ingat dengan teguran Allah dalam surah Ar-Rum ayat 41 bermaksud: *“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”*.

5. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua selaku hamba, petugas dan khalifahNya di muka bumi, untuk mentadbir dan mengurus negeri tercinta ini dengan penuh amanah bagi memastikan kekayaan yang dikecapi ini terus lestari sesuai dengan firman Allah dalam surah **Al-Baqarah ayat 30** yang bermaksud **“Dan (ingatlah), ketika TuhanMu berfirman kepada malaikat, sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah dimuka bumi ini”**. Kita harus sentiasa sedar bahawa segala nikmat dan kekayaan yang dianugerahkan ini boleh hilang sekelip mata sahaja jika tidak dijaga dan diuruskan dengan baik.

Adalah menjadi harapan kita semua agar kekayaan dan kemakmuran hasil negeri yang sedang kita kecapai ini akan kekal mampan dan berdaya tahan. Maka itu, sukacita saya menyatakan bahawa tema Belanjawan Tahun 2020 ini adalah **“Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat”**.

6. Bagi memastikan hasil negeri ini kekal lestari dan berdaya tahan, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan strategi dan agenda memperkasakan ekonomi melalui penerokaan hasil baru, perbelanjaan berhemat dan mengekang ketirisan hasil.

7. Justeru itu, adalah penting untuk kita memahami apakah ciri-ciri ekonomi yang lestari dan mengapakah perlu kita melestarikan pertumbuhan ekonomi tersebut. Secara literalnya, ekonomi yang lestari adalah bermaksud pertumbuhan ekonomi yang mampan, berdaya tahan, rentan dan berdaya saing mengambilkira keperluan masa kini dan yang akan datang. Ianya berpaksikan kepada **4 ciri penting** iaitu; **Pertama: Ekonomi berteraskan ilmu; Kedua: Pengupayaan ekonomi dalam nilai tinggi; Ketiga: Pengupayaan ekonomi berteraskan sumber strategik; Keempat: Penerokaan hasil dalam keupayaan kapasiti (*carrying capacity*).**

Yang Berhormat Dato Yang DiPertua,

Adalah menjadi harapan saya supaya pertumbuhan positif hasil Negeri Sembilan yang sedang kita lalui sekarang ini, akan kekal dan

berdaya tahan untuk satu tempoh yang panjang ataupun kekal untuk selama-lamanya dengan izin Allah. Namun untuk mencapai matlamat tersebut, perancangan jangka panjang perlu disiapkan dengan rapi supaya ianya berjaya direalisasikan. Ekonomi yang lestari dan berdaya tahan adalah ekonomi yang berteraskan kepada ilmu. Pengurusan sumber hasil negeri perlu diuruskan oleh tenaga manusia yang berpengetahuan, berkompentensi dan berintegriti tinggi. Penggunaan aplikasi digital, *big data*, *cloud*, *Internet of Things (IOT)* dan *artificial intelligence (AI)* perlu diperkukuhkan dalam pengurusan hasil negeri seiring dengan **Revolusi Industri (IR) 4.0**. Pada masa yang sama, tenaga manusia perlu terus dibangunkan dengan nilai-nilai yang murni seperti amanah, bertanggungjawab dan berintegriti. Kekayaan walau sehebat mana sekalipun, akan habis musnah jika diuruskan oleh mereka yang korup dan tidak amanah.

Kedua, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif, ianya perlu diupayakan dalam rantaian ekonomi yang tinggi. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2018, menunjukkan tahap penggunaan teknologi tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah **rendah**, iaitu **37** dan **20 peratus** masing-masing. Negara masih bergantung kepada pekerja separuh mahir dan rendah iaitu **73 peratus** terutamanya buruh asing. Maka itu, penggunaan teknologi pintar, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan aplikasi digital perlu diperluaskan sebagai agenda jangka panjang. Sumber hasil negeri perlu diberikan nilai tambah dalam rantaian yang lebih tinggi supaya menjana keuntungan yang berganda dan optimum sekaligus mengurangkan jurang yang berlaku dalam rantaian bekalan. Sebagai contoh, amalan pertanian pintar atau *precision agriculture*

perlu diperluaskan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada petani.

Ketiga, pengupayaan ekonomi berteraskan sumber strategik adalah bermaksud mengoptimumkan potensi sumber strategik yang ada di sesebuah kawasan atau daerah. Pemetaan rancangan pembangunan berpandukan kepada potensi sumber yang ada, perlu diberikan tumpuan oleh semua agensi dan jabatan yang terlibat. Setiap daerah di negeri ini mempunyai kekuatan sumbernya yang tersendiri. Negeri Sembilan timur umpamanya, selain daripada menjadi lembah pertanian, juga kaya dengan kepelbagaian biodiversiti, flora dan fauna yang perlu diteroka dan dimajukan sebagai sumber ekopelancongan bertaraf antarabangsa. Koridor pembangunan **Malaysian Vision Valley (MVV2.0)** pula akan kekal sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama Negeri Sembilan

bagi sektor perindustrian, perkhidmatan dan perniagaan. Manakala pantai Port Dickson akan dimodenkan sebagai pusat pelancongan terbaik negara bertaraf antarabangsa. Pengupayaan ekonomi berdasarkan potensi sumber ini akan membolehkan setiap daerah dibangunkan secara seimbang sekali gus menepati teras strategik dan prinsip panduan gagasan **Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030**.

Keempat, penerokaan hasil dalam keupayaan kapasiti (*carrying capacity*) adalah bermaksud, sebarang penerokaan sumber bagi menjana ekonomi hendaklah dilakukan dalam had keupayaan kapasiti yang dibolehkan supaya ianya tidak menjejaskan keperluan generasi yang akan datang. Dalam keghairahan kita untuk mengutip hasil sebanyak yang mungkin, janganlah sesekali kita bertindak rakus dan menzalimi sumber yang ada.

Bak kata perbidalan orang tua-tua, *“Kalau hidup hendak selamat, peliharalah laut beserta selat. Peliharalah tanah berhutan lebat, di situ terkandung rezeki dan rahmat, di situ terkandung tamsil ibarat, di situ terkandung aneka rahmat. Orang dulu-dulu, tahu menjaga hutan dan tanah. Tahu menjaga bukit dan lembah. Berladang tidak merosak tanah, berkebun tidak merosak rimba”*.

Firman Allah swt dalam surah **Ar Rum ayat 41** yang bermaksud ***“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia”***.

SENARIO EKONOMI NEGARA

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Wawasan Kemakmuran Bersama

8. Dato' Yang DiPertua, kita semua selaku rakyat Malaysia merasa sungguh kecewa dan terpaksa menelan hakikat yang amat pahit, bahawa kita gagal untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuan kita sendiri pada tahun 2020. Bagi mengembalikan semula kegemilangan negara yang pernah dikecapi satu ketika dahulu, Kerajaan PH semasa Belanjawan Negara 2020 telah membentangkan satu gagasan baru iaitu **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** yang mensasarkan pertumbuhan yang lebih saksama untuk negara, memberi nilai yang lebih tinggi kepada ekonomi dan menjadikan Malaysia

sebuah negara yang kompetitif, berintegriti dan berrmaruah. Melalui cara ini kita akan mengembalikan kepercayaan kepada pasaran dan pelabur dan mampu membangkitkan semula Harimau Asia yang telah lama tidur. Kerajaan percaya, berkongsi pembangunan dan meluaskan jajaran sosial merupakan perantara kepada pembangunan sosio ekonomi sekeliling bagi memastikan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan jurang yang semakin menguncup.

9. Bagi mencapai **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**, tiga (3) objektif telah ditetapkan iaitu:

- pembangunan untuk semua;
- menangani jurang kekayaan dan pendapatan; dan
- negara yang bersatu, makmur dan berrmaruah.

10. **7 Teras Strategik** bagi menjayakan inisiatif **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** yang akan memandu negeri ini seiring sejalan bersama Kerajaan Persekutuan adalah.

- i. **Ekosistem perniagaan dan industri;**
- ii. **Penerokaan Aktiviti Pertumbuhan Utama Ekonomi;**
- iii. **Transformasi Modal Insan;**
- iv. **Pengukuhan Pasaran Buruh dan Peningkatan Pampasan Pekerja;**
- v. **Kesejahteraan Sosial;**
- vi. **Keterangkuman Wilayah;** dan
- vii. **Pembangunan Modal Sosial.**

Ekonomi Negeri Sembilan

11. Pada tahun 2018, **KDNK Negeri Sembilan** mencatatkan nilai berjumlah **RM45.70 bilion** berbanding **RM43.80 bilion** tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi pada kadar **4.2 peratus** adalah lebih sederhana berbanding peningkatan **4.9 peratus** pada tahun 2017. Prestasi ini disumbangkan oleh dua sektor utama iaitu pembuatan dan perkhidmatan yang berjumlah **86.1 peratus** atau **RM39.3 bilion**.

12. **Kadar inflasi** di Negeri Sembilan telah mencatatkan **penurunan dari 4.2 peratus pada 2017 kepada 1.2 peratus pada 2018**. Namun begitu, kadar inflasi ini melebihi paras nasional (1.0%) yang berpunca daripada peningkatan ketara dalam komponen makanan.

13. **Kadar kemiskinan** e-Kasih berdasarkan Ketua Isi Rumah (KIR) mencatatkan **penurunan sebanyak 7.65 peratus** daripada **2,328 KIR** pada tahun **2017** kepada **2,150 KIR** pada tahun **2018**.

14. Negeri Sembilan terus menjadi pilihan para pelabur melalui jumlah pelaburan pada tahun 2018 berjumlah **RM2.43 bilion** dengan peluang pekerjaan sebanyak 3,347. Jumlah ini meningkat sekali ganda berbanding RM1.1 bilion pada tahun 2017. Kerajaan komited untuk meneruskan libat urus bersama pelabur yang berpotensi baik dari dalam mahupun dari luar negara.

15. Sektor pelancongan yang diangkat sebagai sumber ekonomi mampan dan lestari bagi Negeri Sembilan terus menunjukkan prestasi yang membanggakan melalui **peningkatan** kehadiran pelancong dari **6.86 juta orang** pada tahun **2017**

kepada **7.86 juta orang** pada tahun **2018** atau **14.58 peratus**.

PENCAPAIAN BELANJAWAN 2019

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua.

16. Semasa Belanjawan 2019 yang lalu, saya telah mengumumkan tema belanjawan negeri iaitu **“Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan”**. Ianya adalah satu tekad untuk memperkukuhkan hasil negeri supaya kekayaan yang diraih dapat dimakmurkan bersama oleh rakyat negeri ini tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Untuk itu, saya telah menggariskan **4 Strategi** iaitu **Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus, Meneroka Sumber Hasil Baru, Mengurangkan Kehilangan Hasil Negeri dan Meningkatkan Hasil Pelaburan**. 4 strategi ini kemudiannya disusuli dengan **10 Pelan Tindakan**

(PT) yang perlu dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan dengan bersungguh-sungguh. Seawal bulan Januari 2019, semua jabatan telah mula mengorak langkah dengan penuh komited, bagi mengenal pasti dan menambah baik pelbagai prosedur kerja masing-masing selaras dengan strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan.

17. Sebagai contoh, melalui **Strategi yang pertama (S1), iaitu Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus**, sebanyak **3 Pelan Tindakan (PT)** telah digariskan iaitu Menambah Baik Prosedur Kerja, Mempertingkatkan Kutipan Tunggakan Hasil dan Kecekapan Proses Pengurusan Tanah. Dalam tempoh lebih 10 bulan yang lalu, beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan antaranya ialah membangunkan sistem **e-Doket**, sistem **e-Strata**, pembayaran secara elektronik, kutipan luar bagi kawasan-kawasan pedalaman, menambah baik proses pengeluaran Notis 5A

daripada 14 hari kepada 7 hari, aktiviti penguatkuasaan, pemutihan dan beberapa inisiatif lain yang sedang berjalan. Alhamdulillah, usaha ini telah mula membuahkan hasil seperti yang diharapkan (ataupun *desired outcome* – dengan izin). Buktinya, sehingga 31 Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah berjaya mempertingkatkan **kutipan tunggakan cukai tanah** sebanyak **RM10.63 juta berbanding RM9.14 juta** dalam tempoh yang sama pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak **16.30 peratus**. Penggunaan sistem e-Doket di **20 lokasi permit** bahan batuan untuk tiga fasa yang pertama tahun 2019 pula, telah berjaya mengutip hasil royalti bahan batuan sebanyak **RM32.6 juta** berbanding **RM28.4 juta** pada tahun 2018 iaitu kenaikan sebanyak **RM4.2 juta** atau **14.79 peratus**. Ini membuktikan penggunaan sistem e-Doket telah berjaya meningkatkan kutipan royalti bahan batuan dan Kerajaan Negeri dapat

mengawal pengurusan pengeluaran bahan batuan dengan lebih sistematik dan efisien. Melihat kejayaan awal ini, Kerajaan Negeri komited untuk memperluaskan penggunaan sistem e-Doket bagi seluruh Negeri Sembilan yang akan melibatkan tambahan sebanyak **26 lagi** pemegang permit bahan batuan.

18. Menerusi strategi **Meneroka Sumber Hasil Baharu** pula, **sehingga 31 Oktober 2019**, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah telah pun selesai melakukan proses tukar ganti hakmilik manual kepada hakmilik berkomputer sebanyak **30,000 petak strata (83.65%)** dan dijangka akan selesai sebelum hujung tahun ini. Sebaik sahaja urusan pewartaan permulaan cukai petak oleh Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli selesai, adalah dijangkakan kutipan cukai petak strata akan mula dikutip mulai 1 Januari 2021.

Pelaksanaan cukai petak ini dijangka akan menjana pendapatan tambahan sebanyak RM190 ribu menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak **RM1.1 juta setahun**. Penstrukturan semula aktiviti-aktiviti tanah rezab di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) telah berjaya mengutip hasil baru sebanyak **RM0.30 juta** melalui pajakan tanah rezab. Selain itu, sehingga 31 Oktober 2019, Caj Air Mentah telah menunjukkan peningkatan kutipan yang sangat ketara iaitu **RM26.97 juta (85.69 %)** berbanding **RM22.24 juta** pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak **RM4.73 juta** ataupun 21.27 peratus.

19. Memperincikan **Strategi 3** iaitu **Mengurangkan Kehilangan Hasil Negeri**, Kerajaan Negeri komited untuk terus mengawal pemberian premium secara nominal supaya tidak ada lagi mana-mana pihak yang mendapat layanan dan keistimewaan luar biasa sehingga

ada yang dapat pengurangan melebihi 90 peratus. Alhamdulillah, sehingga 31 Oktober 2019, jumlah kutipan premium adalah sebanyak **RM81.44 juta** berbanding **RM76.39 juta** dalam tempoh yang sama pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak **RM5.05 juta** atau **6.61 peratus**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

20. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Pejabat Pemungut Hasil, jabatan dan agensi negeri, khususnya kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri kerana telah mempamerkan komitmen yang amat luar biasa dan membanggakan dalam mengutip hasil negeri. Sehingga tarikh 21 November 2019, sebanyak **TUJUH (7)** daripada LAPAN (8) Pejabat Daerah dan Tanah telah berjaya

mengutip hasil, **melebihi seratus peratus (100%)** berbanding belanjawan. Kutipan hasil tertinggi telah disumbangkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seremban berjumlah RM174 juta, diikuti Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson (RM37.64 juta) dan Pejabat Daerah dan Tanah Jempol (RM19.77 juta). **Tahniah dan terima kasih saya ucapkan!**

21. Untuk itu Dato' Yang DiPertua, sukacita saya mengumumkan di dalam Dewan Yang Mulia ini, sehingga tarikh **21 November 2019**, hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak **RM463.78 juta** berbanding sasaran belanjawan RM430 juta, iaitu **RM33.78 juta lebih** tinggi dari sasaran belanjawan tahun 2019 dan merupakan kutipan hasil yang tertinggi dalam sejarah Negeri Sembilan. Untuk rekod, hasil yang dikutip pada tahun 2018 adalah sebanyak **RM421.24 juta**. Kutipan hasil negeri telah menunjukkan

peningkatan ketara untuk ketiga-tiga pecahan hasil iaitu **Hasil Cukai** sebanyak **RM145.52 juta** atau **98.05 peratus**, **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM250.11 juta** atau **111.11 peratus** dan **Terimaan Bukan Hasil** sebanyak **RM68.15 juta** atau **120.65 peratus**.

22. Dalam tempoh yang masih berbaki **1 bulan 8 hari**, insya Allah, saya yakin dan berdoa, hasil negeri akan terus meningkat dan bakal melepasi **RM470** juta iaitu satu jumlah yang belum pernah dicapai oleh kerajaan Negeri Sembilan sebelum ini.

STRATEGI BELANJAWAN 2020

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

23. Melihat kepada keberkesanan dan kejayaan Strategi Belanjawan Tahun 2019, sukacita saya

mengumumkan untuk **mengekalkan 3 Strategi (S) dan 10 Pelan Tindakan (PT)** tahun 2019 dan memperkenalkan Strategi ke-4 yang baharu iaitu **“Merekayasa Pembangunan Modal Insan”**.

24. Dato' Yang DiPertua, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Negeri kekal lestari dan terus berkembang kukuh pada tahun-tahun yang mendatang, Negeri memerlukan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja berkompentensi dan berpengetahuan tinggi, tetapi turut didasari dengan nilai-nilai jatidiri yang unggul dan penuh integriti. Untuk menjayakan agenda besar tersebut, strategi baharu ini akan didokong oleh **dua Pelan Tindakan** iaitu **Pengukuhan Pembangunan Kapasiti** dan **Pembangunan Pelan Integriti Negeri** yang menjadikan keseluruhannya **4 Strategi (S) dan 12 Pelan Tindakan (PT)**. Saya percaya, hanya dengan integriti dan jatidiri yang tinggi sahaja, sumber

kekayaan negeri ini akan dapat dipertahankan untuk diwarisi kepada generasi yang akan datang. Sumber tenaga manusia yang ada perlu terus diperkasa untuk mengharungi cabaran dunia **VUCA** iaitu *Volatility, Uncertainty, Complexity dan Ambiguity*. Kita perlukan barisan penjawat awam yang berpegang teguh kepada prinsip kebenaran, tidak mudah dipengaruhi, tegas dan patuh pada amanah yang diberikan. Ini adalah seiring dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan integriti dan benci rasuah menjadi budaya dalam Malaysia Baharu hari ini.

25. Berdasarkan kepada strategi belanjawan yang telah dibentangkan dan kejayaan kita menjana hasil negeri yang sangat membanggakan pada tahun 2019 ini, insya Allah, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM457 juta** iaitu

peningkatan sebanyak **RM27 juta atau 6.28 peratus** berbanding RM430 juta bagi tahun 2019. Secara keseluruhannya, **Hasil Bukan Cukai** seperti premium, permit, pendaftaran lesen, keuntungan pelaburan, royalti sumber asli dan sebagainya kekal sebagai penyumbang utama hasil negeri iaitu sebanyak **RM242.69 juta** ataupun 53.11 peratus. Manakala **Hasil Cukai bagi tahun 2020**, yang terdiri daripada Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung, dijangka menyumbang sebanyak **RM152.45 juta** ataupun **33.36 peratus** daripada keseluruhan hasil. Berbanding Belanjawan 2019, Hasil Cukai dijangka mengalami kenaikan sebanyak 2.72 peratus berikutan daripada pertambahan hak milik baharu. Akhir sekali, Kerajaan dijangka akan memperolehi sebanyak **RM61.86 juta** ataupun **13.54 peratus** dari **Terimaan Bukan Hasil** seperti bayaran balik pinjaman, pemberian dan pelbagai terimaan dari Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Anggaran Belanjawan Mengurus

26. Sebagai hambaNya, kita semua perlu sentiasa sedar bahawa nikmat kemewahan dunia ini adalah bersifat sementara dan tidak akan kekal selamanya. Hasil mahsul yang dikurniakan Allah kepada negeri tercinta ini adalah amanah yang perlu diuruskan dengan penuh hikmah dan bijaksana supaya nanti, Allah swt akan mengganjarkan lebih banyak lagi nikmatNya kepada negeri ini. Sebagaimana firman Allah swt dalam **Surah Ibrahim, Ayat 7** yang bermaksud, *“Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat kepadamu), dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azab Ku amat pedih”*.

27. Maka itu, belanjawan tahun 2020 ini telah dirancang dengan penuh teliti bagi menjamin kemakmuran bersama yang lebih menyeluruh demi kesejahteraan rakyat. Untuk itu, Kerajaan mengusulkan untuk mengekalkan **Belanjawan Berimbang** dengan memperuntukkan sebanyak **RM457 juta** iaitu kenaikan sebanyak **RM27 juta** berbanding tahun 2019. **Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2020** adalah diperincikan seperti berikut:

- i. **Emolumen** sebanyak **RM180.10 juta** atau **39.41 peratus**;
- ii. **Perkhidmatan dan Bekalan** sebanyak **RM96.46 juta** atau **21.11 peratus**;
- iii. **Perolehan Aset** sebanyak **RM3.99 juta** atau **0.87 peratus**;
- iv. **Pemberian dan Kenaan Tetap** sebanyak **RM171.88 juta** atau **37.61 peratus**; dan

- v. **Perbelanjaan Lain** sebanyak **RM4.55 juta** atau 1.00 peratus.

PENCAPAIAN INISIATIF BELANJAWAN 2019

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

28. Semasa Belanjawan 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif dan bantuan bagi menjayakan tema **Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan**, demi kesejahteraan rakyat.

29. Sehingga hari ini, **Bantuan Ibu Tunggal (C4U)** telah memberi manfaat kepada hampir **3,800 orang penerima** dengan jumlah bantuan sebanyak **RM0.76 juta**. Bantuan ini sedikit sebanyak telah meringankan beban ibu tunggal yang terpaksa mengambil alih peranan sebagai ketua keluarga dalam membesarkan anak-anak.

Selain dari bantuan tunai untuk ibu tunggal, kaum wanita juga terus diperkasa dengan pelbagai bentuk latihan kemahiran dan bimbingan melalui program **Power House Wanita Gemilang (PH Gem)**. Sebanyak **180 program** latihan kemahiran seperti "*Retort*", Pengurusan *Stress*, Minda Positif, Usahawan IR 4.0, Terapis *Mobile* dan lain-lain telah dijayakan, yang melibatkan seramai **27,416 orang peserta**. Kerajaan turut prihatin terhadap keadaan prasarana sekolah-sekolah tahfiz swasta, SJKC, SJKT dan sekolah-sekolah swasta di seluruh Negeri Sembilan, yang memerlukan sedikit bantuan kewangan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif. Untuk itu, sebanyak **75 buah sekolah** telah menerima pelbagai bentuk bantuan berjumlah **RM2 juta** sehingga Oktober 2019. Selain daripada itu, di bawah inisiatif **Tambahan Elaun Guru KAFA**, hampir **1,600 orang Guru KAFA dan Guru Besar** daripada **89 buah**

sekolah telah menikmati kenaikan elaun antara **RM50** sehingga **RM100** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM0.59 juta**. Sebagai menzahirkan rasa terima kasih kerajaan terhadap sumbangan para Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita, **seramai 871 orang** telah menerima kenaikan elaun di antara RM200 hingga RM300 sebulan, dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM0.40 juta**. Semua bentuk kemudahan dan bantuan ini telah memberi seribu rahmat dan sinar kepada pelbagai lapisan masyarakat melangkaui sempadan kaum, agama dan geografi. Sehubungan itu, Kerajaan sukacita mengumumkan semua inisiatif ini akan diteruskan pelaksanaannya bagi tahun 2020 dengan **dikekalkan** jumlah peruntukan sama seperti tahun 2019.

PERLUASAN INISIATIF BELANJAWAN 2019

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

30. Selain dari mengekalkan jumlah peruntukan bagi inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi, Kerajaan juga bersetuju untuk memperluaskan lagi pelaksanaan beberapa inisiatif lain yang ternyata mendapat sambutan yang amat positif dari rakyat. Kerajaan telah menerima banyak permintaan dari rakyat supaya diperluaskan lagi inisiatif-inisiatif tersebut. Sebagai contoh, inisiatif **Bantuan Anak Sekolah (B.A.S)**, iaitu bantuan tunai tambang persekolahan anak-anak sekolah rendah dari keluarga miskin sebanyak RM50 sebulan, ternyata dapat mengurangkan kos persekolahan **1,500 orang murid miskin** sekolah rendah di seluruh Negeri Sembilan dengan kos keseluruhan sebanyak **RM0.83 juta**. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperluaskan lagi

inisiatif ini kepada **murid-murid Tingkatan 1** pula dengan menjadikan jumlah keseluruhan penerima adalah seramai **2,000 orang pelajar miskin dari Darjah 1 hingga Tingkatan 1** dengan **TAMBAHAN** peruntukan berjumlah **RM1.00 juta**.

31. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menyelaraskan kenaikan **Bantuan Am Bulanan** kepada hampir **2,500 orang OKU**, daripada **RM140 sebulan kepada RM200 sebulan dengan peruntukan berjumlah RM0.50 juta**. Menyedari Bantuan Am Bulanan ini merupakan salah satu sumber yang dapat meringankan beban perbelanjaan harian, inisiatif ini akan terus diperkasakan dengan perluasan kepada penerima bantuan baharu seramai **2,100 orang** lagi menjadikan jumlah keseluruhan penerima Bantuan Am Bulanan ini seramai **4,600 orang** yang akan melibatkan **TAMBAHAN** peruntukan berjumlah **RM1.45 juta** menjadikan jumlah

peruntukan untuk Bantuan Am Bulanan pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM3.24 juta**. Dengan pelaksanaan dan perluasan ini, kadar minimum Bantuan Am Bulanan di Negeri Sembilan adalah RM200 sebulan dan tidak ada lagi yang menerima RM140 sebulan.

32. Semasa Belanjawan 2019 yang lalu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.50 juta untuk Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam bagi membiayai pelbagai aktiviti kebudayaan dan keagamaan. Ianya adalah satu manifestasi belanjawan yang bersifat inklusif merentasi sempadan kaum, bangsa dan agama yang membolehkan masyarakat majmuk di negeri ini hidup dalam suasana yang harmoni dan bersatu padu. Sokongan kewangan ini telah memberikan manfaat kepada **92 buah rumah ibadat dan persatuan agama** bagi melaksanakan pelbagai aktiviti masing-masing.

Untuk itu, bagi mendokong aspirasi Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebebasan mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing, inisiatif ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2020 dengan **TAMBAHAN** peruntukan sebanyak **RM200 ribu** lagi menjadi **RM1.70 juta**.

33. Seiring dengan tema **Melestari Ekonomi**, Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan agenda pembangunan usahawan melalui pelbagai program *triple-helix* iaitu membimbing, memantau dan menghubungkan (*coaching, monitoring and bridging*). Setelah dilatih di bawah program PH Gem umpamanya, usahawan-usahawan akan dibantu pula dari segi modal awal dan peralatan di bawah Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS). TUNS merupakan inisiatif yang paling mendapat sambutan sepanjang tahun 2019 iaitu pemberian secara

geran sebanyak **RM3 ribu setiap usahawan yang layak** dengan peruntukan **RM3.00 juta**. Sehingga Oktober 2019, seramai **715 orang usahawan** telah pun menerima bantuan perniagaan tersebut meliputi pelbagai sektor keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, peruncitan, pertukangan dan lain-lain. Manakala baki 300 orang usahawan lagi akan menerima geran dalam tempoh terdekat. Memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan, saya dengan ini mengumumkan bahawa peruntukan TUNS bagi tahun 2020 akan **ditambah lagi** menjadi **RM5.00 juta** melibatkan lebih kurang **1,700** orang usahawan.

34. Menjadi tenaga penggerak dan pemudahcara kepada peluang pelaburan dalam Negeri Sembilan, **NS Corp** yang telah ditubuhkan pada tahun 2018 akan terus berperanan sebagai pemudahcara dan peneraju baharu kepada

pelaburan Negeri Sembilan. NS Corp akan terus berganding bahu dengan UPEN, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan (PKNNS) dan NS Investment Centre (NSIC) dalam menarik pelabur ke Negeri Sembilan. Sepanjang tahun 2019, NSCorp telah rancak memulakan pelbagai program padanan perniagaan, sesi bilateral bersama pelabur asing, karnival pelaburan dan trip perniagaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri kekal lestari. Untuk itu, Kerajaan Negeri setuju memperuntukkan **RM1.50 juta** lagi pada tahun 2020 kepada NSCorp.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

35. Semasa Belanjawan tahun 2019 yang lalu, saya telah mengumumkan kenaikan elaun Pengerusi MPKK dari RM500 kepada RM900 sebulan. Menyedari bahawa tonggak utama dalam mengendalikan urusan pentadbiran MPKK

ini adalah Setiausaha, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan elaun Setiausaha MPKK sebanyak **RM100 sebulan**, iaitu dari RM300 kepada RM400 sebulan pada tahun 2020 yang melibatkan peruntukkan **TAMBAHAN** sebanyak **RM0.52 juta**. Ini menjadikan keseluruhan bayaran elaun bagi Pengerusi dan Setiausaha MPKK pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM2.62 juta**.

36. Perkhidmatan **Bas Percuma Seremban** yang julung kalinya diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 ini, ternyata telah memberi manfaat kepada hampir **26,000 orang pengguna** melalui **2,991 kali perjalanan** sehingga Oktober 2019. Inisiatif ini ternyata meringankan beban rakyat terutamanya kepada pesakit-pesakit yang perlu mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Jaafar serta laluan-laluan strategik yang lain. Hasil dari temubual dan

maklumbalas yang diterima, kebanyakan pengguna telah merayu agar Kerajaan memperluaskan lagi perkhidmatan bas percuma ke beberapa laluan baharu termasuk perluasan ke daerah Jempol. Justeru itu, sebagai tanda prihatin dan mendengar keluhan hati rakyat, sukacita saya mengumumkan, inisiatif bas percuma ini akan diteruskan lagi pada tahun 2020, malah akan diperluaskan kepada **dua (2) laluan baharu** di daerah Seremban dan Jempol dengan keseluruhan peruntukan berjumlah **RM1.42 juta**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

37. Kata perbidalan, "*Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitabullah, kuat adat tak gaduh hukum, kuat hukum tak gaduh adat, ibu hukum muafakat, ibu adat muafakat*".

“Air melurut dengan bendanya, benar melurut dengan muafakatnya, negeri bertumbuh dengan masyarakatnya, tatkala kecil bernama muafakat, sudah besar bernama adat, Si Raja adat kepada muafakat”.

Begitulah indah dan uniknya Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini yang menjadi teras kepada budaya bangsa dan perpaduan antara kaum. Semasa belanjawan yang lalu, Perbadanan Muzium Negeri Sembilan telah diberikan peruntukan **RM0.50 juta** untuk menjayakan pelbagai program adat dan budaya Negeri Sembilan termasuklah **Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli** pada 15 hingga 17 November yang lalu. Ternyata program-program adat ini berjaya menarik ribuan pelancong dalam dan luar negara untuk menyaksikan sendiri keunikan Adat Perpatih di negeri ini. Sebagai tanda sokongan

dan menyanjung tinggi pusaka adat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan **RM0.50 juta** lagi pada tahun 2020 bagi melaksana dan mempromosi aktiviti-aktiviti kebudayaan dan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

38. Alhamdulillah, selain daripada pencapaian Belanjawan 2019 yang sempat saya bentangkan sebentar tadi, kepimpinan Kerajaan Negeri turut berjaya merungkai beberapa permasalahan rakyat yang telah sekian lama terbelenggu. Walaupun Kerajaan Pakatan Harapan baru memerintah negeri ini selama 1 tahun 6 bulan, bak kata perbidalan, “***Kok ibarat umur baru setahun jagung, darah baru setampuk pinang, pemandangan belum luas, pengalaman belum ada***”. Namun, disebabkan oleh kecekalan hati memegang amanah kepimpinan dan kesungguhan untuk mensejahterakan rakyat,

akhirnya yang sukar pun berjaya dirungkai, bak kata perbidalan orang tua-tua...

“Menjadi pemimpin sifatnya agung, syarak dipakai adat dijunjung, Negeri dijaga rakyat dilindung”

“Sebagai pemimpin ia berakal, ilmunya banyak menjadi bekal, menjalankan tugas hatinya pukal, tahukan diri sedar ke asal”

Kami sentiasa sedar dan insaf bahawa amanah dan harapan rakyat kepada Kerajaan ini amatlah tinggi supaya dapat melakukan perubahan demi kesejahteraan rakyat. Antara isu yang telah sekian lama membelenggu rakyat di negeri ini adalah berkaitan projek perumahan **Taman Perpaduan Heights** di Kuala Pilah yang terbengkalai sejak tahun 2002. Projek ini adalah projek secara usahasama di antara Majlis Daerah

Kuala Pilah dan sebuah syarikat pemaju bagi membina sebanyak **231 unit rumah dan kedai**. Seramai 206 orang pembeli telah pun menandatangani perjanjian pinjaman dengan pihak bank dan Kerajaan dengan harapan dapat memiliki sendiri sebuah rumah idaman. Malangnya, projek tersebut telah **terbengkalai sejak 17 tahun** disebabkan oleh pelbagai masalah pembinaan dan harapan untuk memiliki rumah idaman akhirnya musnah begitu sahaja. Malah lebih malang lagi, pembeli terpaksa membayar sejumlah pinjaman antara RM35,000.00 hingga RM120,000.00 dan pada masa yang sama terpaksa membayar sewa rumah setiap bulan. Bertahun lamanya mereka bersabar dan merayu supaya dapat dibantu namun gagal ditangani dengan berkesan oleh Kerajaan terdahulu. Alhamdulillah, berkat rundingan dan semangat muafakat, Kerajaan Negeri telah **bersetuju meluluskan sebidang**

tanah berkeluasan 32.84 ekar di Mukim Ulu Muar, Kuala Pilah dan akan menampung kos penyediaan kemudahan infrastruktur tapak baharu sebanyak **RM5.50 juta**.

Selain dari Taman Perpaduan Heights, permasalahan di Kampung Serampang Indah (GATCO) di Daerah Jempol merupakan isu lapuk yang sering berulang saban tahun. Pada asalnya, pemilikan tapak rumah dan ladang ini telah dijanjikan kepada 494 orang peserta namun setelah **30 tahun** ia masih berlarutan tanpa penyelesaian konkrit oleh Kerajaan terdahulu. Baru-baru ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah mempercepatkan kelulusan pemilikan tapak ladang secara pajakan kepada **170 orang peserta** untuk Fasa Pertama. Peserta akan menikmati tanah ladang seluas **2 atau 4 ekar** dengan tempoh pajakan selama 99 tahun.

Manakala baki 612 ekar akan diteruskan untuk pembahagian pada fasa kedua kelak.

INISIATIF BAHARU BELANJAWAN MENGURUS 2020

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

39. Selain dari mengekal dan memperluaskan inisiatif tahun 2019, sukacita saya mengumumkan pada Dewan Yang Mulia ini, sebanyak **16 inisiatif baharu** akan dilaksanakan pada tahun 2020 di bawah peruntukan Belanja Mengurus yang meliputi aspek pentadbiran, kesihatan, kebajikan, pendidikan dan modal insan.

Titik Fokus – Pentadbiran

40. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri kekal lestari, Kerajaan Negeri perlu

sentiasa terkehadapan dalam menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan untuk menambahbaik apa jua aset Kerajaan yang boleh membantu meningkatkan hasil dan produktiviti negeri. Untuk itu, setiap Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Sembilan akan dibekalkan dengan dron bagi memperkasakan aktiviti penguatkuasaan. Perolehan dron ini juga dipanjangkan kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan dan PLAN@Malaysia Negeri Sembilan yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM0.14 juta** bagi perolehan **9 unit dron** yang dilengkapi teknologi audio visual terkini.

Titik Fokus – Kebajikan

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

41. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nasib segelintir masyarakat yang tidak mampu untuk membeli alatan sokongan ***orthopedic implant*** seperti *anterior cervical*, *axial screw*, *bone screw*, *bone plate* dan sebagainya disebabkan oleh masalah kewangan. Sebagai menzahirkan rasa simpati dan prihatin terhadap nasib mereka yang kurang berupaya ini, Kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.50 juta** secara *one-off* di bawah Dana Khas Menteri Besar bagi menampung kos pemasangan alatan ***orthopedic implant*** kepada lebih kurang **sepuluh peratus** pesakit yang kurang mampu dari segi kewangan dan disahkan layak oleh doktor perubatan.

42. Kerajaan juga prihatin terhadap nasib golongan gelandangan yang sebahagiannya berpunca dari himpitan kehidupan yang sukar seperti perpecahan keluarga, kemiskinan dan kesihatan. Atas sifat kemanusiaan dan menyokong inisiatif kumpulan-kumpulan NGO yang sentiasa menyantuni kumpulan ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan sejumlah **RM0.10 juta** bagi inisiatif **Food Bank** untuk tujuan penyediaan makanan dan keperluan asas yang lain.

43. Menyedari betapa pentingnya institusi kekeluargaan dalam membangunkan masyarakat yang seimbang, Kerajaan Negeri amat menggalakkan supaya lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak dibangunkan oleh pihak swasta. Ini pastinya akan dapat membantu golongan wanita memastikan kebajikan anak-anak terjamin semasa mereka bekerja. Sebagai tanda sokongan, di bawah **Titik Fokus Kebajikan**,

kerajaan memperkenalkan inisiatif **Taska Majikan Swasta (T4U)** dan bersetuju memberikan geran pelancaran sebanyak **RM10 ribu ringgit** kepada mana-mana syarikat swasta yang ingin membuka pusat asuhan atau tadika di tempat bekerja masing-masing secara *one-off* dengan peruntukan berjumlah **RM0.10 juta** pada tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Titik Fokus – Pendidikan

44. Sabda Rasulullah saw, “***Barangsiapa yang melangkah suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga***” hadis riwayat Ibnu Majah dan Ibnu Daud. Hadis ini jelas menggambarkan betapa tingginya Islam meletakkan tuntutan mencari ilmu sebagai satu jihad dalam kehidupan.

“Allah meninggikan orang-orang yang beriman diantara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat” – Surah Al Mujadalah, ayat 11. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan persekitaran pembelajaran anak-anak di sekolah sentiasa kondusif dan selesa untuk belajar. Kerajaan Negeri sedar bahawa tanggungjawab membina sekolah dan menyelenggara lain-lain kemudahan pendidikan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sebagaimana butiran ke **Tiga Belas, Jadual ke Sembilan (9), Perlembagaan Persekutuan**, namun kekangan peruntukan adakalanya menyebabkan terdapat sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan daif dan kurang memuaskan. Sebagai contoh, sehingga bulan Oktober 2019, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan hanya menerima lebih kurang **22 peratus** atau **RM9.6 juta** peruntukan daripada

jumlah yang dipohon iaitu RM44.6 juta bagi menyelenggara **125 buah sekolah menengah** dan **350 buah sekolah rendah** di seluruh negeri. Jumlah ini pastinya tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan daripada sekolah-sekolah yang seringkali berhadapan dengan pelbagai jenis kerosakan kecil seperti paip pecah, kerosakan pam air, tandas tersumbat, atap bocor, pendawaian elektrik dan lain-lain kerosakan yang boleh menjejaskan kualiti pendidikan anak-anak di sekolah. Justeru itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewujudkan **Akaun Amanah Penyelenggaraan Kecil Sekolah Negeri Sembilan** di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1956 (Akta 61) bagi maksud menyalurkan peruntukan segera bagi kes-kes penyelenggaraan kecil di sekolah-sekolah yang memerlukan. **Untuk makluman, Kerajaan Negeri Sembilan adalah negeri yang pertama dalam negara yang menyediakan Akaun**

Amanah khas penyelenggaraan ini di Malaysia. Untuk itu, Kerajaan akan menyediakan dana permulaan sebanyak **RM1.0 juta** pada tahun 2020. Akaun Amanah ini akan menjadi *platform* kepada semua pihak sama ada syarikat swasta, GLC, badan-badan amal, PIBG atau orang awam untuk sama-sama menyumbang kepada Akaun Amanah ini yang akan ditadbir oleh **Satu Surat Ikatan Amanah** di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

45. Selain aliran pendidikan kebangsaan, Kerajaan Negeri turut memberikan tumpuan dan keutamaan kepada pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) khususnya institusi pendidikan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri menerusi Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan (YNS). Semasa sidang graduasi pelajar-pelajar lepasan KAYNS **pada 22 Ogos 2019** baru-baru ini, secara puratanya peratus

kebolehpasaran graduan KAYNS adalah sebanyak **71.71 peratus**. Ini membuktikan bahawa lepasan graduan KAYNS yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia ini, mendapat sambutan pasaran dari pemain-pemain industri dalam pelbagai bidang kemahiran seperti perhotelan, automotif, kulinari, elektrik, mekanikal dan lain-lain. Namun begitu, saya secara peribadi merasa amat sedih dan dukacita melihat keadaan **Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS) di Kuala Pilah** yang berada dalam keadaan yang amat daif dan serba kekurangan dari semua aspek sama ada kemudahan kelasnya, makmal, bengkel, bangunan pentadbiran, kantin, surau dan dewan. Anak-anak terpaksa belajar dalam keadaan yang serba kekurangan dan terpinggir. Namun mereka hanya mampu bersabar, redha dan berdoa dalam tangisan, agar satu hari nanti, akan ada pihak

yang sudi membantu membaikpulih keadaan yang ada. Keadaan ini jelas menggambarkan pengabaian yang ketara oleh pentadbiran Kerajaan yang terdahulu kerana tidak menjadikannya sebagai satu keutamaan walaupun telah diambil alih daripada **Institut Pertanian Kuala Pilah pada tahun 1998**, dan sehingga ke hari ini, bangunan tersebut telah pun berusia lebih dari **35 tahun**. Justeru itu, sebagai manifestasi kepada tema **Mensejahtera Rakyat**, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan berjumlah **RM10.0 juta** kepada ITYNS pada tahun 2020 bagi membina kompleks akademik yang baru.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Titik Fokus – Belia dan Modal Insan

46. Salah satu ciri penting dalam ekonomi lestari adalah membentuk tenaga muda yang mempunyai nilai jatidiri yang tinggi, berkepimpinan dan berwawasan jauh. Kepada merekalah akan disandarkan harapan bagi meneruskan agenda pembangunan bangsa dan negara. Anak-anak muda ini perlu dibimbing dan dipimpin dengan contoh teladan yang baik. Justeru itu, **Tabung Belia Harapan** atau **TABAH** akan diwujudkan di bawah Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan bagi menjayakan pelbagai program pembangunan dan latihan belia di Negeri Sembilan. Inisiatif **TABAH** ini akan diperuntukkan sejumlah **RM0.10 juta** bagi tahun 2020.

47. Selain TABAH, sejumlah **RM0.20 juta** turut disediakan bagi menjayakan **Program Pembangunan Modal Insan** di bawah Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan. Ini tidak termasuk peruntukan latihan yang disediakan di bawah belanja mengurus setiap jabatan dan agensi negeri serta MPKK masing-masing.

48. Kerajaan Negeri turut menggalakkan rakyat di Negeri Sembilan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dalam apa jua acara sukan. Sempena Sukan Malaysia atau **SUKMA kali ke 20** pada tahun 2020 yang akan diadakan di negeri Johor, Kerajaan Negeri, bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM3.0 juta** kepada kontinjen Negeri Sembilan. Kita berdoa, dengan jumlah peruntukan yang besar ini, akan memberikan suntikan semangat yang kuat

kepada para atlet agar meraih lebih banyak pingat pada temasya yang akan datang.

49. Pada **13 Julai 2019** yang lalu, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program **Karnival Kerjaya atau Job Fair** bertempat di **Palm Mall, Seremban** dengan penglibatan sebanyak **40 buah** syarikat swasta dan agensi pekerjaan. Program tersebut telah berjaya menarik **3,438 orang** graduan dan belia yang sedang mencari pekerjaan. Alhamdulillah, **682 orang** telah pun berjaya mendapat tawaran pekerjaan manakala **2,579 orang** lagi dalam senarai menunggu. Untuk itu Karnival Kerjaya Negeri Sembilan Tahun 2020 atau **Job Fair** akan diberikan peruntukan berjumlah **RM0.10 juta** bagi pelaksanaan dan penganjurannya.

Titik Fokus – Pemeriksaan Wanita

50. Seperti yang kita semua sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melancarkan **Program i-Suri** bermula 15 Ogos 2018. Inisiatif terpuji oleh Kerajaan Persekutuan ini ternyata mendapat sambutan yang amat baik dari masyarakat kerana menyediakan satu caruman kepada golongan suri rumah yang tidak bekerja dan berdaftar di bawah e-Kasih bagi menikmati kehidupan sosial yang berkualiti dan meningkatkan sekuriti pendapatan pada masa hadapan. Sebagai tanda sokongan kepada usaha murni Kerajaan Persekutuan ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mencarum **RM5 ringgit sebulan** kepada seramai lebih kurang **8,500 orang** suri rumah yang berdaftar dengan e-Kasih. Sebagai pulangannya, Kerajaan

Persekutuan akan mencarum pula sebanyak **RM40 ringgit sebulan** kepada setiap suri rumah tersebut. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.51 juta** pada tahun 2020.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Titik Fokus – Perpaduan

51. **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** yang telah dibentangkan baru-baru ini menekankan **15 Prinsip Perpaduan** yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Kerajaan amat komited dan berusaha bersungguh-sungguh untuk merapatkan apa jua jurang sosial dan ekonomi di antara kaum yang boleh menjejaskan aspirasi perpaduan nasional. Semangat toleransi dan saling bergantung antara satu sama lain,

perlu terus dipupuk dan disuburkan. Maka itu, Kerajaan Negeri dengan ini melancarkan inisiatif baharu yang dikenali sebagai **ERAT@NS** bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menjurus ke arah penyatuan dan perpaduan nasional. Sebagai permulaan, keseluruhan program ini akan menerima peruntukan berjumlah **RM0.50 juta** bagi tahun 2020.

Titik Fokus – Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

52. Kerukunan hidup bermasyarakat di kampung-kampung perlu terus dipupuk dengan pelbagai program kemasyarakatan supaya terus subur dan diwarisi oleh generasi muda. Biarlah hidup masyarakat di Negeri Sembilan ini ibarat kata:

“Seikat seperti sirih, serumpun seperti serai, seciap seperti ayam, sedencing seperti besi, suku tak boleh dianjak, melompat sama patah, menyeludup sama bongkok, jalan sedondon, selenggang seayun”

Maka itu, pelbagai program kemasyarakatan akan terus disemarakkan oleh 433 buah MPKK di seluruh Negeri Sembilan. Untuk itu, setiap MPKK akan diperuntukan geran aktiviti berjumlah **RM2 ribu** setahun secara **one-off** sebagai tambahan kepada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Keseluruhan peruntukan bagi membiayai aktiviti MPKK pada tahun 2020 ini adalah sebanyak **RM0.86 juta**.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Maklumat lanjut dan perincian peruntukan mengurus tahun 2020 bagi semua Jabatan boleh dirujuk di dalam **Kertas Dewan Bilangan 9 Tahun 2019.**

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Anggaran Belanjawan Pembangunan

53. Seiring dengan tema belanjawan **“Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat”**, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan agenda pembangunan bagi merapatkan jurang pembangunan di antara wilayah di negeri ini dan terus kekal kompetitif dalam semua sektor pertumbuhan ekonomi sama ada perindustrian, pertanian, pelancongan mahupun perkhidmatan. Sebagaimana yang digariskan di dalam Wawasan

Kemakmuran Bersama 2030, semua rakyat Malaysia berhak menikmati arus pembangunan yang bersifat inklusif merentasi sempadan agama, kaum dan bangsa. Untuk itu, Kerajaan mencadangkan **Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2020** adalah sebanyak **RM101.20 juta**.

54. Pecahan dan perincian bagi peruntukan pembangunan tahun 2020 mengikut sektor adalah seperti berikut:

1. **Pembangunan Sosial** sebanyak **RM41.24 juta** atau 40.75 peratus;
2. **Kemudahan Infrastruktur** sebanyak **RM20.87 juta** atau 20.62 peratus;
3. **Pentadbiran** sebanyak **RM11.78 juta** atau 11.64 peratus;
4. **Pertanian** sebanyak **RM13.29 juta** atau 13.13 peratus;

5. **Kerohanian** sebanyak **RM7.91 juta** atau 7.82 peratus; dan
6. **Pelancongan** sebanyak **RM6.11 juta** atau 6.04 peratus.

Pembangunan Sosial

55. Sebagaimana belanjawan tahun 2019, sektor sosial kekal sebagai sektor yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan sosial yang berkualiti tinggi, selesa dan selamat demi kesejahteraan rakyat. Bagi merencanakan lagi projek-projek kecil di semua kawasan Dewan Undangan Negeri termasuk pembangkang, Kerajaan dengan ini memperuntukkan sebanyak **RM21.3 juta** untuk dilaksanakan pada tahun 2020. Projek-projek kecil ini meliputi pelbagai program dan projek sosial yang akan dirancang secara bersama di

antara pentadbiran daerah dengan ADUN atau Penyelaras DUN di kawasan masing-masing. Selain daripada itu, Kerajaan bersetuju untuk menaiktaraf kemudahan sukan di **Kompleks Sukan Tan Sri Dr. Hj. Mohd Said, Seremban 2** dengan kos projek **RM0.20 juta** meliputi kerja-kerja penambahbaikan kemudahan yang ada. Kerajaan juga prihatin dengan keadaan kemudahan yang daif dan kurang memuaskan di **Lapang Sasar Mantin** sehingga membataskan usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi sukan menembak di negeri ini. Untuk itu, sejumlah **RM0.30 juta** akan diperuntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf lapang sasaran berkenaan pada tahun 2020. Memahami dan menyelami isi hati rakyat akar umbi khususnya di kampung-kampung yang inginkan kemudahan sosial yang selesa, Kerajaan dengan ini mengumumkan peruntukan sebanyak **RM1.50 juta** bagi membaikpulih dan menaiktaraf balairaya di

seluruh Negeri Sembilan. Kerajaan juga akan meneruskan **Program Pencahayaan Negeri** demi keselamatan rakyat dengan menyediakan peruntukan sebanyak **RM2.72 juta**. Program pencahayaan ini ternyata berjaya mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat sekaligus mengurangkan risiko kemalangan dan ancaman jenayah di kawasan-kawasan yang tertentu. Bagi terus memastikan kualiti hidup dan kesihatan persekitaran terpelihara, sejumlah **RM5.45 juta** diperuntukkan bagi maksud Penyelenggaraan Infrastruktur Rumah Awam Harga Rendah (RAHR).

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Kemudahan Infrastruktur

56. Bagi memastikan ekonomi negeri terus berkembang dalam jajaran yang positif, Kerajaan akan terus memperkukuh kemudahan infrastruktur meliputi pembinaan jalan-jalan baru luar bandar (**RM 2.0 juta**), mengganti dua buah jambatan negeri (**RM1.2 juta**), menaiktaraf jalan negeri (**RM1.0 juta**) dan membaiki persimpangan/selekoh merbahaya (**RM1.0 juta**). Bagi menangani isu banjir kilat yang kerap berlaku di Seremban dan Rembau pada tahun ini, Kerajaan telah bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM2.80 juta** bagi **Rancangan Pengurusan Banjir** Negeri Sembilan yang akan melibatkan Sembilan (9) Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan punca utama bencana ini terus

ditangani secara holistik dengan peruntukan sebanyak **RM4.65 juta** bagi pelaksanaan **Projek Saliran Mesra Alam dan Pengindahan Koridor Sungai**.

Pentadbiran

57. Salah satu dari lapan (8) **Pemboleh Daya WKB 2030** adalah **Keberkesanan Penyampaian Institusi**. Perkhidmatan awam adalah dituntut untuk mendakap penggunaan teknologi dan dunia digital bagi mengimbangi tuntutan Revolusi Industri 4.0 seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Big Data* dan *Cloud, Internet of Things (IOT)*, *Machine-to-Machine (M2M)*, *Smart Factory* dan sebagainya, supaya institusi perkhidmatan awam kekal relevan dan dinamik. Melihat kepada kejayaan awal penggunaan e-Doket dan alat ukur menggunakan gelombang elektromagnetik, Kerajaan bersetuju untuk memperluaskan lagi

penggunaan teknologi digital dan aplikasi komputer dalam proses perkhidmatan awam. Untuk itu, sejumlah **RM1.89** juta telah diperuntukkan untuk pelbagai aplikasi sistem, pendigitalan dokumen urusan niaga dan bukan urusan niaga di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta proses pembersihan data sistem SPTB-SIHAT. Sejumlah **RM0.60** juta pula telah diperuntukkan bagi membangunkan **Node Rangkaian Pelbagai Jabatan Negeri Sembilan** bagi mempertingkatkan lagi kelajuan internet dan pemrosesan data. Kerajaan juga bersetuju memperluaskan penggunaan e-Doket kepada semua pemegang permit bahan batuan dengan menyediakan peruntukan **RM0.60** juta sekaligus akan berupaya menjana pendapatan tambahan sebanyak **RM2.5** juta menerusi permit batuan dan galian.

Pertanian

58. Berdasarkan **Data Sosio Ekonomi Negeri Sembilan Tahun 2018**, sektor pertanian telah menyumbang sebanyak **7.3 peratus** kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan ianya merupakan sektor **ketiga** tinggi selepas perkhidmatan dan pembuatan. Keadaan muka bumi dan keluasan tanah yang masih luas, menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu sektor yang berpotensi tinggi untuk dimajukan khususnya di bahagian Negeri Sembilan Timur meliputi Jelebu, Kuala Pilah dan Jempol. Selaras dengan matlamat **WKB 2030** iaitu untuk mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah dan rangkaian bekalan, maka salah satu strategi yang akan digerakkan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui pengukuhan sektor pertanian. Sejumlah **RM3.08 juta** akan diperuntukkan bagi program peningkatan hasil

sayuran dan buah-buahan meliputi penyediaan input pertanian, perkhidmatan teknologi, peningkatan kualiti produk dan insentif pembangunan infrastruktur kepada petani-petani di seluruh Negeri Sembilan. Selain itu, program pembangunan **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Ladang Rakyat** akan terus diperkukuh dengan peruntukan sebanyak **RM0.99 juta**. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukan sebanyak **RM2.40 juta** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi pelaksanaan program **Peningkatan Pengeluaran Ternakan** bagi tujuan perolehan dan pembiakan baka, pembangunan serta penyelenggaraan ladang ternakan.

59. Tidak terhenti setakat latihan, Kerajaan juga menggalak dan mengalu-alukan penglibatan anak muda khususnya golongan siswazah untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian yang

berpotensi tinggi untuk dimajukan di negeri ini. Statistik Jabatan Pertanian Negeri merekodkan masih terdapat sebanyak **25,577 lot tanah yang terbiar dengan keluasan 33,542 hektar** di seluruh Negeri Sembilan yang boleh diusahakan menggunakan teknologi tinggi atau ***precision agriculture***. Untuk itu, satu inisiatif baru yang dikenali sebagai **Siswazah Tani** akan diperkenalkan pada tahun hadapan dengan pemberian geran galakan sebanyak **RM10 ribu ringgit** kepada siswazah yang mengusahakan tanah pertanian, sekurang-kurangnya 1 hektar. Untuk itu, sebanyak **RM0.50 juta** disediakan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Kerohanian

60. Kerajaan Negeri sedar dan insaf, bahawa apa jua perancangan pembangunan yang dibuat tidak akan berhasil tanpa izin Allah swt. Kekayaan dan pembangunan yang dijana perlu diisi dengan jiwa tauhid yang sentiasa tunduk kepada Pemilik Semua Kekayaan ini iaitu Allah swt. Kerajaan akan terus memperkasakan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan Negeri yang tercinta ini. Untuk itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM31 juta** bagi pembinaan **empat (4)** buah masjid baru iaitu **Masjid Warisan Puteri, Sikamat, Forest Height, Senawang, Seremban Selatan dan Taman Senangin** yang akan dimulakan proses perolehannya pada tahun hadapan dan dijangka siap pembinaan dalam tempoh 2 tahun. Untuk itu

sebanyak **RM1.16 juta** akan disediakan bagi pembayaran kerja-kerja awalan pada tahun 2020. Selain pembinaan 4 buah masjid baharu, sebanyak **2 buah masjid** akan diroboh dan dibina baharu iaitu Masjid Kariah Kendong, Rembau dan Masjid Rahmania, Jempol dengan kos sebanyak **RM10.0 juta**. Bagi memastikan jemaah masjid dapat menjalankan ibadah dengan selesa, sebanyak **18 buah masjid** seluruh Negeri Sembilan akan dinaiktaraf dan dibaikpulih melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.85 juta**. Tidak dilupakan juga adalah saudara baharu di kampung-kampung orang Asli yang bakal menerima **RM0.60 juta** untuk membina **4 buah** surau baharu.

Pelancongan

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

61. Pada tahun 2018, Negeri Sembilan telah mencatatkan kenaikan kedatangan pelancong yang ketara untuk kedua-dua kategori domestik dan antarabangsa iaitu seramai **6.1 juta** orang pelancong tempatan dan **1.76 juta** pelancong asing berbanding 5.34 juta dan 1.52 juta masing-masing pada tahun 2017. Peningkatan kedatangan pelancong ini membuktikan Negeri Sembilan mempunyai potensi yang besar bukan sahaja dalam sektor pelancongan pantai tetapi juga eko-pelancongan. Kedudukan Negeri Sembilan yang sangat strategik dan disokong dengan jaringan perhubungan yang baik, menjadikan negeri ini sebuah destinasi pelancongan yang menarik untuk dikunjungi. Keunikan adat resam, keindahan pantai dan

kedamaian hutan tropika yang menghijau menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi terbaik pelancong yang inginkan belaian alam semulajadi. Kerajaan Negeri telah mensasarkan nisbah tumpuan pelancongan pantai, ekopelancongan serta adat dan warisan, masing-masing sebanyak 60:30:10.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM6.11 juta** bagi memajukan industri pelancongan melalui pelbagai projek peningkatan kemudahan infrastruktur dan pengindahan. Sehubungan itu, sebanyak **RM2.86 juta** telah diperuntukkan bagi meneruskan kerja-kerja **menaik taraf dan penyelenggaraan Hutan Lipur dan Eko Rimba** seluruh negeri. Selain itu, daerah Seremban dan Jempol juga akan menerima *trademark* baharu bagi daerah masing-masing iaitu **Jam Gadang dan Menara Tinjau**

Bukit Beruang yang keseluruhannya akan melibatkan peruntukan berjumlah **RM0.70 juta**.

62. Pada **17 hingga 20 Oktober 2019** yang lalu Kerajaan Negeri buat julung kalinya telah menganjurkan program **NS Fest** iaitu gabungan **Hari Peladang, Penternak dan Nelayan; Bulan Usahawan dan *Food Fest* Negeri Sembilan**. **NS Fest** ini telah berjaya menarik **seramai 191,691** pengunjung dalam tempoh **4** hari termasuk dari negeri jiran seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Melaka. Program ini telah membuka peluang kepada usahawan Negeri Sembilan untuk memasarkan pelbagai produk dan jualan masing-masing daripada pelbagai sektor dan industri seperti perkhidmatan, makanan, pembuatan, pertanian, ternakan, pelancongan dan keusahawanan. Berdasarkan kepada rekod yang dikumpul oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), jumlah transaksi jualan

dalam tempoh tersebut adalah sebanyak **RM1.09 juta**, dan **RM3.44 juta transaksi pepadanan perniagaan**.

Maklumat lanjut dan perincian peruntukan pembangunan tahun 2020 bagi Jabatan yang berkaitan boleh dirujuk di dalam **Kertas Dewan Bilangan 10 Tahun 2019**.

Yang Berhormat Dato Yang DiPertua,

63. Selain daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM101.2 juta yang telah dibentangkan tadi, Kerajaan Negeri juga menerima pemberian peruntukan penyelenggaraan jalanraya Negeri Sembilan daripada Kerajaan Persekutuan di antara RM200 hingga RM300 juta setiap tahun. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya selaku Urusetia Jawatankuasa Penyelenggaraan Jalanraya (MARRIS), akan melaksanakan kerja-

kerja penyelenggaraan jalan raya sepanjang **1,050 kilometer** dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM290 juta** di seluruh Negeri Sembilan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, dan Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

64. *“Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah, melompat sama patah, menyerudup sama bongkok, jalan sedundun, selenggang seayun, ibarat aur dengan tebing”*. Kerajaan amat sedar, setiap perancangan dan dasar yang kita luluskan di dalam Dewan Yang Mulia ini, tidak akan memberikan apa-apa faedah sekiranya tidak dilaksanakan dengan berkesan dan penuh integriti oleh jentera pelaksana selaku barisan hadapan Kerajaan. Perkhidmatan awam merupakan institusi penting yang menyokong dan

mendukung setiap dasar yang digubal oleh Kerajaan. Mereka adalah tulang belakang dan benteng terakhir sesebuah Kerajaan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam atas kerja sama dan pelaksanaan perancangan Kerajaan selama ini.

65. Sebagai menghargai segala jasa dan pengorbanan mereka, sukacita saya mengumumkan, **dua (2)** hadiah buat penjawat awam Negeri Sembilan di dalam Dewan Yang Mulia ini:

- i. **Pertama:** Kerajaan bersetuju untuk memberikan **kosong peratus (0%) faedah Pinjaman Kenderaan dan Komputer** kepada penjawat awam yang membuat

pinjaman, berkuatkuasa pada tahun 2020; dan

- ii. **Kedua: Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak satu (1) bulan gaji, atau minimum RM2,000 kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Bantuan Khas ini akan dibayar sekali gus pada bulan Disember 2019.**

66. Diharapkan Bantuan Khas ini akan memberikan dorongan dan galakan kepada penjawat awam untuk melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan cemerlang pada masa akan datang. Berusahalah dengan lebih gigih lagi untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

67. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberi sumbangan dalam menjamin keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negeri ini. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan ini dipanjangkan kepada warga pendidik yang telah berkorban dengan penuh dedikasi untuk mendidik anak bangsa menjadi manusia yang berguna, demi masa depan negara yang lebih cemerlang. Sesungguhnya sumbangan dan pengorbanan anda semua sangat tinggi nilainya untuk bersama-sama **Mensejahtera Rakyat** negeri ini.

68. Di samping usaha dan kerja keras, kita percaya kejayaan yang kita nikmati merupakan

kurnia Allah. Allah lah yang telah mempermudah segala urusan dan menggerakkan hati-hati kita semua, menjadi petugas yang berkhidmat dan berbakti bagi membangunkan dan memajukan negeri ini.

Kerana itu, kita perlu meningkatkan rasa syukur kepada Allah dengan terus berusaha memelihara dan membangunkan negeri ini dengan penuh rasa bertanggungjawab dan berintegriti.

Teruskan usaha dan doa. Kita berharap kejayaan ini dapat meningkatkan kesejahteraan dan dinikmati oleh semua rakyat di negeri ini. Sesuai dengan tema belanjawan 'Melestari ekonomi mensejahterakan rakyat'.

Ya Allah, Tuhan Tuan Punya ke atas diri kami, Tuhan Tuan Punya ke atas negeri ini, kami mohon dengan sifat-Mu yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, kurniakan kami ilham dan kekuatan supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang telah Engkau kurniakan kepada kami.

Mohon jadikan kami sebagai petugas dan alat-Mu untuk terus berkhidmat dan berbakti membangunkan dan memajukan negeri ini dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Mohon jadikan kami tergolong dikalangan petugas-petugas-Mu yang berguna dan bermanfaat kepada rakyat negeri ini.

Semoga segala usaha dan kerja kita diredhai dan diterima oleh Allah sebagai bukti pengaduan kepada-Nya.

Akhir kata, izinkan saya memetik firman Allah SWT dalam **surah Al-Imran, ayat 54 – “Dan mereka merancang, Allah juga merancang, dan Allah sebaik-baik perancang”**.

‘KepadaMU Ya Allah, hambaMU ini sandarkan harapan, kepadaMU lah tempat kami bermohon, dan kepadaMU jualah, tempat kami berserah dan bertawakal. Kabulkanlah, segala

*hajat dan doa kami. Semoga dengannya kelak,
Kau anugerahkan kami dengan sebuah negeri
yang aman makmur, dan mendapat
keampunanMU Ya Allah'.*

Sekian, terima kasih.

Saya mohon mencadangkan.